

Paras air Sungai Jelai, Sungai Tanum meningkat

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

LIPIS – Tanda awal banjir semakin kelihatan apabila air Sungai Jelai dan Sungai Tanum di kawasan pedalaman daerah ini mula melimpah memasuki beberapa kawasan pesisir sungai berkenaan kelmari.

Kenaikan paras air dua batang sungai utama yang menjadi penanda aras banjir di daerah ini berlaku disebabkan hujan lebat yang turun tanpa sejak awal minggu ini menyebabkan penduduk di beberapa buah kampung berwaspada dan bersiap sedia bagi menghadapi risiko banjir.

Tinjauan pemberita di Kampung Kuala Medang dan Kuala Telang, dekat sini mendapati air Sungai Jelai mula melimpah masuk ke beberapa batang anak sungai berdekatan dan telah berlaku banjir kilat sehingga menenggelamkan jalan



BANJIR kilat berdekatan pesisir Sungai Jelai, Lipis memenuhi kawasan kampung dan berada hampir paras jambatan di Kampung Kuala Medang semalam.

masuk ke kampung berkenaan dan premis tertentu sejak pagi kelmari.

Namun kejadian berkenaan tidak membabitkan sebarang pemindahan penduduk dan air mula surut secara perlahan-lahan pada sebelah pagi semalam dan beberapa batang jalan kampung yang ditenggelami air kini

boleh dilalui semula.

Penduduk Kuala Telang, **Ahmad Nazree Shahbuddin**, 42, berkata, air Sungai Jelai yang mengalir berdekatan kampung itu mulai naik tetapi masih berada pada paras normal sejak hujan turun berterusan di Hulu Jelai pada awal minggu ini.

“Keadaan arus sungai yang



AHMAD NAZREE (kiri) dan Hamdan menunjukkan ikan patin dan ikan kelah yang berjaya ditangkap berikutan air sungai melimpah di Kampung Kuala Telang semalam.

deras dan tolakan air memenuhi anak Sungai Telang di kampung ini menyebabkan berlaku banjir kilat dan menutup laluan masuk ke kampung kami.

“Keadaan ini pulih semula selepas 12 jam apabila hujan di kawasan Hulu Jelai berhenti, namun air sungai hanya surut sedikit dan berkemungkinan

akan melimpah semula sekiranya keadaan hujan lebat berulang,” katanya di Kampung Kuala Telang, dekat sini semalam.

Rakannya, **Hamdan Hamid**, 50, berkata, dalam kejadian banjir kilat semalam, air memasuki di halaman rumah berdekatan pesisir sungai dan memenuhi beberapa premis awam.

“Walaupun banjir kilat berpunca daripada anak sungai, ini merupakan petanda awal supaya penduduk di sini lebih bersedia dan sekiranya hujan lebat di hulu berterusan selama seminggu, musibah banjir besar seperti dua tahun lepas mungkin berulang,” katanya.

Tambahnya, senario itu bagaimanapun turut memberi kesempatan penduduk di pesisir Sungai Jelai memperoleh rezeki tambahan dengan menaikan jaring dan menjala untuk menangkap ikan patin serta ikan kelah.